

**[THE GUIDANCE METHODS BY LEMBAGA TABUNG HAJI TOWARDS  
MALAYSIANS' PILGRIMS: AN INITIAL ASSESSMENT]**

**METODE BIMBINGAN LEMBAGA TABUNG HAJI TERHADAP JEMAAH  
HAJI MALAYSIA: SATU PENILAIAN AWAL**

HASANULDDIN MOHD<sup>1\*</sup>

JAMALLUDDIN HASHIM<sup>1</sup>

WAN MOHD KHAIRUL FIRDAUS WAN KHAIRULDIN<sup>1</sup>

ENGKU AHMAD ZAKI ENGKU ALWI<sup>1</sup>

HANNAN FATINI MD RESHAD<sup>1</sup>

<sup>1</sup>Fakulti Pengajian Kontemporari Islam (FKI),

Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA), Kampus Gong Badak,  
21300 Kuala Nerus, Terengganu, Malaysia

\*Corresponding author: hasandin@unisza.edu.my

Received Date: 15 November 2020 • Accepted Date: 28 April 2020

**Abstract**

*Lembaga Tabung Haji (TH) or Malaysian Hajj Fund Board is an institution that manages the savings of the Malaysian Muslims as well as the pilgrimage of Malaysian pilgrims from the homeland to the most relevant of all. One of the most important aspects is the teaching and guidance towards the pilgrims which considered as the heart of the holy journey. There is a perception that the approach to pilgrimage and umrah brought by TH is too narrow, rigid, harsh and unfriendly to the congregation. This perception invokes the credibility of TH's credibility in conducting Malaysian pilgrims. Therefore, this paper will highlight the TH guidance method for Malaysian pilgrims and make a brief assessment of it. The study used document analysis methods and interviews and then analyzed using content analysis and comparison methods. Studies show that TH has its own approach and manhunt in its guidance to Malaysian pilgrims. It is regulated by the highest body known as the TH-JAKIM Pilgrim Expert Committee Member (AJPIH). From the side of the jurisprudent resources methods, the references used is the authority that reflects the credibility of this TH guidance. The guidance provided is in line with the al-Shafi'e scholar's approach, and the panel of authors also has a relatively flexible approach when discussing specific legal issues. This study can contribute to the resolution of the scientific and critical issues raised. In conclusion, the pilgrimage and umrah guidance to the target group should be emphasized and strengthened so that everyone can get the benefits from it.*

**Keywords:** Hajj Fund Board, Hajj guidance method, Malaysian pilgrims

## Abstrak

Lembaga Tabung Haji (TH) merupakan institusi yang menguruskan simpanan umat Islam Malaysia serta perjalanan jemaah haji Malaysia bermula dari tanahair sehingga sempurna segala urusan yang berkaitan. Salah satu aspek terpenting ialah bimbingan ibadah jemaah haji yang menjadi nadi kepada perjalanan suci tersebut. Terdapat tanggapan yang mengatakan bahawa pendekatan bimbingan ibadah haji dan umrah yang dibawa oleh TH adalah terlalu sempit, rigid, keras dan tidak mesra jemaah. Persepsi ini mengundang fitnah terhadap kredibiliti TH dalam mengendalikan urusan haji jemaah Malaysia. Justeru, kertas ini akan menyorot metode bimbingan TH kepada para jemaah haji Malaysia serta membuat penilaian ringkas terhadapnya. Kajian menggunakan metode analisis dokumen dan temu bual dan seterusnya dianalisis menggunakan metode analisis kandungan dan perbandingan. Kajian mendapati TH mempunyai pendekatan dan manhaj yang tersendiri dalam bimbangannya terhadap jemaah haji Malaysia. Ia dikawal selia oleh badan tertinggi yang dikenali sebagai Ahli Jawatankuasa Pakar Rujuk Ibadah Haji TH-JAKIM (AJPIH). Dari aspek manhaj pengambilan rujukan, keseluruhan rujukan yang digunakan adalah berautoriti yang menggambarkan kredibiliti yang ada pada bimbingan TH ini. Bimbingan yang dikemukakan menepati pendekatan ulama mazhab al-Shafi'e, di samping panel pengarang juga memiliki pendekatan yang agak fleksibel ketika membincangkan permasalahan hukum yang tertentu. Kajian ini dapat menyumbang saham dalam merungkai kemosyikilan yang dilontarkan secara ilmiah dan kritis. Kesimpulannya, bimbingan haji dan umrah kepada golongan sasaran sewajarnya terus diberi penekanan dan diperkasakan pendekatannya agar semua pihak mendapat manfaat daripadanya.

**Kata kunci:** Lembaga Tabung Haji, metode bimbingan haji, jemaah haji Malaysia

**Cite as:** Hasanulddin Mohd, Jamalluddin Hashim, Wan Mohd Khairul Firdaus Wan Khairuldin, Engku Ahmad Zaki Engku Alwi & Hannan Fatini Md Reshad 2020. Metode bimbingan Lembaga Tabung Haji terhadap jemaah haji Malaysia: satu penilaian awal. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari* 21(1): 55-67.

## PENGENALAN

Lembaga Tabung Haji (TH) merupakan salah satu institusi yang menjadi tunjang ekonomi umat Islam di Malaysia. TH memainkan peranan yang penting dalam menguruskan kewangan Jemaah haji, memudahkan urusan perjalanan haji, serta menjamin ekonomi umat Islam di Malaysia. TH juga merupakan sebuah institusi kewangan Islam yang efisien, sistematik serta dinamik, bermula daripada menguruskan tabung simpanan haji yang menepati syarak sehingga turut menjalankan aktiviti perniagaan dalam dan luar negara yang bertujuan menambah nilai tambah kepada simpanan pendeposit. Setelah 50 tahun beroperasi serta menunjukkan perkhidmatan yang baik menjadikan TH sebagai institusi ikonik Malaysia dengan membuktikan pelbagai kejayaan dan pengalaman dalam pengurusan haji bahkan merupakan rujukan dan model kepada pelbagai institusi luar negara. Sejak penubuhannya sehingga kini, TH sudah mengorak langkah ke hadapan dengan cekap dan pantas. Kemampuan serta kejayaan yang diperolehi menjadikan TH menjadi kebanggaan umat Islam Malaysia serta menjadi contoh kepada negara lain. Dalam kertas ini, pengkaji akan

memperkenalkan TH secara ringkas sebelum membincarakan metode bimbingan haji TH kepada Jemaah haji Malaysia secara terperinci.

## **LATAR BELAKANG LEMBAGA TABUNG HAJI**

Sejarah penubuhan TH bermula pada Disember 1959, setelah kertas kerja penambahbaikan ekonomi kepada bakal-bakal Jemaah haji yang telah dikemukakan oleh YM Prof Diraja Ungku Abdul Aziz Bin Ungku Abdul Hamid. Beliau mengemukakan cadangan beliau kepada pemerintah pada ketika itu, agar menubuhkan sebuah institusi kewangan yang kukuh bagi Orang Melayu (Shahidawati, 2003).

Jawatankuasa Kebajikan Ekonomi bakal-bakal Jemaah Haji telah dibentuk di bawah Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu. Fungsi jawatankuasa ini ditubuhkan adalah untuk mengkaji, meneliti serta memberi laporan kepada kerajaan berkenaan urusan haji umat Islam di Tanah Melayu ketika itu. Berdasarkan laporan tersebut, kerajaan kemudiannya menubuhkan Perbadanan Wang Simpanan Bakal-Bakal Haji (PWSBH) atau dikenali Pejabat Tabung Haji melalui Akta Parlimen Bil. 34/62 yang disahkan pada 1 November 1962 dan dirasmikan pada September 1963. Bagi memudahkan urusan Jemaah haji, ia telah diletakkan di bawah pengawasan Tun Abdul Razak yang merupakan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar (Muhammad Muhamimin, 2018). Pada tahun 1969, Lembaga Urusan Tabung Haji telah ditubuhkan dan diletakkan di bawah Jabatan Perdana Menteri. Penubuhan Lembaga Urusan Tabung Haji adalah berdasarkan kepada Rang Undang-Undang Lembaga Tabung Haji yang telah diluluskan pada 13 Februari 1969 (Undang-Undang Tabung haji, 2011).

Sokongan serta penglibatan umat Islam Malaysia telah menjadi pendorong kepada PWSBH supaya memberi perkhidmatan yang baik dan maju sekaligus melengkapkan serta memenuhi fadhu kifayah. Pelbagai cara dan kaedah yang telah dilakukan untuk menarik lebih ramai umat Islam dalam menggunakan kemudahan simpanan terjamin dan selamat yang disediakan oleh kerajaan. Justeru, pada tahun 1969, PWSBH telah digabungkan di bawah Pejabat Urusan Hal Ehwal Haji. Ia ditubuhkan pada awal 1951 dan beroperasi di Pulau Pinang. Setelah gabungan ini dibuat, maka tertubuhlah Lembaga Urusan dan Tabung Haji (LUTH). Kemudian pada tahun 1995, ia ditukar kepada Lembaga Tabung Haji atau lebih dikenali sebagai Tabung Haji atau TH sehingga sekarang (Tabung Haji, 2019).

Dengan penubuhan TH ini telah memudahkan segala urusan ibadat haji umat Islam di negara ini, terutamanya bagi jemaah yang pertama kali ke Tanah Suci. Mereka tidak perlu bimbang kerana segala urusan dan keperluan mereka akan diuruskan oleh TH. Ini termasuklah berkaitan pasport, visa haji, pengangkutan, penginapan di Tanah Suci, penjagaan kesihatan dan sebagainya. TH telah mendapat pengiktirafan daripada Muasassah Asia Tenggara dan Muasassah Adilla yang bertanggungjawab mengendalikan urusan haji di Tanah Suci (Abdullah, 2015).

## **Visi Dan Misi TH**

Bagi mencorak langkah ke hadapan, TH telah menetapkan visi bagi mencapai objektif Tabung Haji iaitu:

- Tunggak kejayaan ekonomi ummah, Pengurusan Haji terbilang

TH juga telah menetapkan beberapa misi penting agar mencapai matlamat yang telah ditetapkan iaitu:

- Memperkasa ekonomi ummah
- Sentiasa giat mencari pelaburan strategik bagi pertumbuhan berterusan sama ada di peringkat global atau tempatan
- Menggembangkan dan memperkayakan modal pendeposit
- Memberi perkhidmatan cemerlang yang berterusan
- Memudah dan menyempurnakan urusan Jemaah ke arah Haji Mabrur
- Memberi pulangan yang kompetitif, halal dan *toyyiban* (Tabung Haji, 2019)

## **MODUL-MODUL BIMBINGAN TABUNG HAJI**

Tabung Haji telah menyediakan modul-modul bimbingan yang khusus bagi memudahkan bakal jemaah haji yang ingin menunaikan ibadat haji di Tanah Suci. Antaranya ialah modul bimbingan secara lisan, modul bimbingan secara bertulis, dan modul melalui media elektronik atau media cetak.

### **MODUL BIMBINGAN SECARA LISAN**

Modul bimbingan secara lisan merupakan pendekatan utama yang dibawa oleh Tabung Haji dalam bimbingan jemaah haji. Ia dilaksanakan dalam bentuk mengadakan kursus-kursus haji. Terdapat kursus yang hanya dikhurasukan kepada jemaah haji yang bakal menunaikan haji dan ada juga yang terbuka kepada semua orang awam bagi menambah kefahaman dan mendapat gambaran awal sebelum berangkat ke sana. Jenis-jenis kursus haji yang dianjurkan adalah seperti berikut (Tabung Haji, 2019):

- a. Kursus Asas Haji (KAH): Kursus haji peringkat pertama akan diikuti oleh bakal jemaah haji sebelum berangkat ke Tanah Suci. Kursus ini bermula pada bulan Rabiul Awwal sehingga Jamadil Akhir pada setiap tahun. Kursus Asas Haji ini diadakan pada setiap hujung minggu iaitu 2 jam bagi setiap siri yang diadakan sebanyak 17 siri. Kursus ini akan dijalankan di masjid-masjid pilihan di seluruh negeri dengan kerjasama antara Tabung Haji dan jawatankuasa masjid berkaitan serta Jabatan Agama Islam Negeri. Modul-modul yang terdapat dalam kursus ini merangkumi Ibadat Haji, Kesihatan dan Pengurusan Haji di Tanah Air dan Tanah Suci. Penyertaan dalam kursus ini terbuka kepada semua lapisan masyarakat yang berminat dan tidak terhad kepada Jemaah haji yang terpilih sahaja.
- b. Kursus Intensif Haji (KIH): Kursus haji peringkat kedua yang diikuti oleh bakal jemaah haji sebelum berangkat ke Tanah Suci. Kursus ini biasanya diadakan pada bulan Rejab atau Syaaban setiap tahun. Kursus yang berlangsung selama dua hari ini

memberi penekanan kepada praktikal ibadat haji dan umrah serta ulang kaji ibadat. Dalam modul ini juga ditekankan tentang Penjagaan Kesihatan dan Pengurusan haji di Malaysia dan Tanah Suci.

- c. Kursus Khas Haji (KKH): Kursus ini merupakan lanjutan daripada Kursus Intensif Haji. Tempoh kursus ini selama 1 hari. Kursus pada peringkat ini memberi fokus berkenaan latih tubi praktikal ibadat dalam kelompok kecil dan besar. Peserta kursus adalah terdiri daripada mereka yang mendapat markah yang rendah dalam ujian khusus.
- d. Kursus Perdana Haji: Kursus ini merupakan kursus peringkat akhir yang mesti diikuti oleh semua bakal jemaah haji sebelum berangkat ke Tanah Suci. Kebiasaannya, kursus ini akan dijalankan pada bulan Syawal di setiap negeri. Kursus ini akan mengumpulkan semua jemaah haji bagi setiap negeri dan diadakan selama 2 hari 1 malam. Kursus ini memberi penekanan tentang praktikal ibadat haji dan umrah dalam kelompok jemaah yang besar supaya mendapat gambaran awal perjalanan haji sebenar nanti. Ia termasuklah aktiviti bermabit dan melontar pada waktu malam. Para jemaah akan bermalam di tempat kursus.

## **MODUL BIMBINGAN HAJI SECARA BERTULIS**

Lembaga Tabung Haji melalui Bahagian Bimbingan Jabatan Haji banyak menerbitkan modul atau buku bertujuan sebagai panduan kepada Jemaah Haji untuk menambahkan kefahaman serta pencerahan untuk menunaikan haji di Tanah Suci. Buku-buku ini sangat sesuai dimanfaatkan oleh bakal jemaah haji dan orang lain bagi membantu kefahaman mereka melaksanakan ibadah haji. Antaranya ialah:

- Modul Kursus Asas Haji
- Buku Fiqh Ibadat Haji, Umrah dan Ziarah (Rumi)
- Buku Fiqh Ibadat Haji, Umrah dan Ziarah (Jawi)
- Buku Soal Jawab Haji dan Umrah (Rumi)
- Buku Soal Jawab Haji dan Umrah (Jawi)
- Buku Panduan Perjalanan Jemaah Haji
- Buku Himpunan Doa-doa Terpilih di Tanah Suci
- Buku Ringkasan Ibadat Haji
- Wirid Terpilih untuk Dhuyuf Al-Rahman

### **Modul Kursus Asas Haji**

Modul ini berdasarkan Kursus Asas Haji seperti yang telah dinyatakan sebelum ini. Modul disusun mengikut 17 siri atau minggu. Pada minggu pertama berkenaan Pengenalan Ringkas berkenaan Ibadat Haji dan Umrah- Falsafah dan penyucian jiwa. Peringkat pertama ini memberi gambaran awal dan ilmu asas dalam menunaikan contoh adab ketika mengerjakan haji dan sebagainya. Minggu kedua ialah Sejarah dan Pengenalan Tanah Suci dan Kelebihannya, seterusnya minggu berikutnya berkenaan Pengenalan Haji dan Umrah. Minggu keempat, kelima dan keenam pula, modul berkaitan dengan rukun haji iaitu Niat Ihram Haji

dan Wuquf, Tawaf dan Jenis Tawaf, Sa'ie, Bercukur/Bergunting/ Tertib pada kebanyakkan rukun. Seterusnya bab kesihatan pula menyusul pada minggu ke-7. Pada minggu ke-8,9 dan 10 menyentuh berkaitan wajib haji iaitu Niat Ihram di Miqat dan Jenis Haji, Larangan Ihram dan Dam, Mabit di Muzdalifah, Mina dan Lontar Jamrah. Minggu 11 berkenaan Aurat dan Keizinan Suami. Dalam modul ini menekankan garis panduan berkaitan pemakaian lelaki dan wanita yang melibatkan aurat ketika dalam mengerjakan ibadat haji serta keizinan suami Minggu 12 berkisar Umrah dan Niat bersyarat seterusnya Taharah dan Solat. Pada minggu berikutnya, Penyelesaian kepada Isu Masalah Wanita. Permasalahan wanita yang dikaitkan dalam modul ini ialah antaranya haid, istiadah serta perkaitannya dalam melibatkan ibadah haji serta penyelesaiannya. Minggu 15 dan 16 berkenaan Tawaf Wada' dan Ziarah Madinah dan Pengurusan Haji. Minggu ke-17 atau yang terakhir berkaitan Amali Haji.

### **Buku Fiqh Ibadah Haji, Umrah & Ziarah**

Buku ini merupakan edisi yang telah dikemaskini pada tahun 2013, 2015, dan 2016. Buku ini dibahagikan kepada dua bahagian. Bahagian pertama menghuraikan berkenaan ibadat haji yang mempunyai sembilan bab iaitu:

- a. Pengenalan tentang ibadat haji: Definisi haji, hukum hakam yang berkaitan, kelebihan menunaikan haji, amalan haji Rasulullah SAW, syarat wajib haji, jenis-jenis haji serta cara-cara mengerjakan haji.
- b. Rukun haji: Definisi serta rukun haji yang meliputi enam perkara iaitu niat, wuquf, tawaf haji dan jenis-jenis tawaf, sa'ie haji, bercukur atau bergunting, dan tertib pada kebanyakkan rukun.
- c. Wajib haji: Definisi wajib haji dan yang berkaitan dengannya termasuk niat ihram miqat, meninggalkan larangan dalam ihram, mabit di Muzdalifah, mabit di Mina, melontar di Jamrah Kubra dan melontar di ketiga-tiga jamrah.
- d. Tahallul dan nafar.
- e. Cara-cara mengerjakan ibadat haji iaitu Haji Tamattu', Haji Ifrad dan Haji Qiran.
- f. Dam: Definisi dan pembahagiannya.
- g. Permasalahan wanita dalam ibadat haji dan umrah: Mahram, keizinan suami atau wali, wanita dalam idah, keselamatan wanita, pergaulan Jemaah wanita, batasan muka, haid, nifas dan istihadah, solat berjemaah dan solat jumaat.
- h. Taharah dan solat: Wuduk, tayammum, wuduk *sahibul jabirah*, serta permasalahan yang berkaitan dengan solat yang ditunaikan di tanah suci.
- i. Adab dan cara mengekalkan haji mabrur selepas menunaikan haji.

Bahagian kedua mempunyai lima bab yang menghuraikan tentang ibadat umrah dan ziarah iaitu:

- a. Pengenalan ibadah Umrah yang merangkumi definisi umrah, hukum, adab-adab sebelum dan semasa menunaikan haji serta syarat wajib umrah.
- b. Rukun Umrah yang meliputi definisi, serta penjelasan tentang rukun umrah seperti niat umrah, tawaf umrah, saie umrah, bercukur dan bergunting dan tertib.

- c. Wajib Umrah yang menghuraikan berkenaan definisi tentang wajib umrah iaitu niat ihram di miqat dan meninggalkan larangan dalam ihram.
- d. Latar belakang Makkah al-Mukarramah iaitu kedudukan geografi, sejarahnya, Masjidil Haram, mas'a, air zam zam, kelebihan dan kehormatan Tanah Suci Makkah, Masya'ir Haram serta tempat-tempat yang boleh diziarahi di Makkah.
- e. Latar belakang al-Madinah al-Munawwarah iaitu kedudukan geografi, sejarah Madinah, kelebihan bumi Madinah serta berkaitan tempat yang boleh diziarahi di Madinah serta adab ketika menziarahi Madinah.

### **Buku Soal Jawab Haji dan Umrah**

Buku yang diterbitkan oleh Lembaga Tabung Haji bermula pada tahun 1984. Buku ini membicarakan persoalan ibadah haji serta hukum hakam bagi menjawab persoalan yang timbul. Jawapan yang disediakan telah dikaji, dibahas serta disediakan oleh Jawatankuasa Penasihat Ibadat Haji (TH-JAKIM) iaitu hasil daripada penelitian dan rujukan kitab-kitab Fiqah Mazhab Syafi'e dan mazhab-mazhab lain yang muktabar.

Oleh sebab permasalahan fiqh yang timbul sentiasa berubah, perbahasan perlu dikemaskini dari semasa ke semasa. Justeru, buku ini sentiasa diulang cetak bagi penambahbaikan. Pada tahun 1984, buku ini mula diterbitkan. sebanyak 16 kali diulang cetak saban tahun. Sebanyak 3 kali buku ini dikemaskini iaitu pada tahun 2013, 2015 dan 2016.

Buku ini disusun mengikut pembahagian tajuk yang mempunyai 45 bab iaitu, bermula dengan pengertian, hukum, syarat mengerjakan haji dan umrah, haji untuk kanak-kanak, syarat kemampuan dan isu-isu berkaitan, persoalan berkenaan wang haram serta wang bagi perbelanjaan haji, haji bagi wanita, permasalahan mahram, persoalan berkenaan *badal* dalam mengerjakan haji, haji nazar, persediaan dalam menunaikan haji, rukun serta wajib haji, cara-cara mengerjakan haji, persoalan yang merangkumi ihram, ihram bagi wanita, tawaf, masalah perempuan haid ketika tawaf, sa'ie, hari tarwiyyah, wuquf, bermalam di Muzdalifah, perkara yang merosakkan haji, hal-hal yang berkaitan haji dan diakhiri berkenaan persoalan mengenai ziarah Madinah. Segala persoalan dalam buku ini ditulis dan disusun dengan baik serta dibawakan berserta pendalilan bagi memudahkan jemaah haji untuk memahaminya.

### **Buku Fiqh Haji dan Umrah Wanita**

ini merupakan antara keluaran terkini Lembaga Tabung Haji. Buku ini mula diterbitkan pada tahun 2013. Pada tahun 2015 dan 2018, buku ini telah dikemaskini bagi penambahbaikan isi kandungan. Buku Fiqh Haji dan Umrah Wanita ini disusun dengan teliti mengikut bahagian-bahagian bab tertentu yang mempunyai 4 bab. Berikut ialah bab-bab dalam buku ini (Hasanulddin Mohd et al., 2018):

- a. Bab 1: Pensyariatan Haji dan Falsafah. Ia dibahagikan kepada 4 topik iaitu pertama berkenaan Haji yang merangkumi pengenalan, dalil, hukum dan sejarah haji. Kedua, Falsafah Haji. Ketiga, syarat-syarat tambahan wajib haji khusus untuk wanita dan yang terakhir berkenaan *iddah*.

- b. Bab 2: Aurat dan Ciri-Ciri Pakaian Muslimah. Ia dibahagikan kepada 4 topik iaitu aurat yang merangkumi pengenalan, hukum menutup aurat. Kedua, batasan aurat iaitu batasan aurat dalam solat, di luar solat dan ketika tawaf. Ketiga, ciri-ciri pakaian muslimah dan keempat berkenaan Tabarruj.
- c. Bab 3: Adab Wanita Islam: Ia merangkumi 4 topik utama iaitu pertama hukum memandang lelaki dan wanita, sama ada lelaki memandang wanita bukan mahram, lelaki memandang wanita mahram, wanita memandang lelaki muhrim dan bukan muhrim dan hukum berpandang sesama jantina. Kedua, hukum bersentuhan dan bersalaman antara sesama jantina, bersentuhan dan bersalaman antara berlainan jantina. Ketiga, Adab dan Persiapan di Tanah Suci termasuk di bilik hotel, Arafah, Muzdalifah, Mina, Masjid, Ziarah Madinah. Keempat, Isu-Isu Pergaulan di Tanah Suci iaitu perselisihan faham, isu remeh membawa kesan yang besar, suami kurang mengambil berat terhadap isteri, waris pengiring tidak mengambil berat, hubungan rakan sebilik dan sikap mementingkan diri.
- d. Bab 4: Permasalahan Darah Wanita dan Solat di Tanah Suci. Bab ini dibahagikan kepada 7 bahagian iaitu pertama berkenaan Haid yang meliputi pengenalan, dalil hadis, hikmah haid, hukum berkaitan haid, tempoh haid, ciri-ciri darah haid, fatrah al-Naq'a dalam Ibadat Haji dan Umrah, masalah dan Kaedah Penentuan Solat bagi Wanita Haid, Perkara yang dibolehkan semasa wanita berhaid dalam ibadat haji atau umrah, isu-isu haid yang berkaitan ibadat Haji atau Umrah dan niat bersyarat. kedua berkenaan Istihadhah atau Fasad iaitu merangkumi pengenalan Istihadhah,dan fasad, kategori darah istihadhah, hukum berkaitan wanita istihadhah, persiapan wuduk untuk wanita istihadhah, hukum berkaitan istihadhah dan Daim al- Hadas. ketiga berkenaan Nifas yang meliputi pengenalan dan tempoh keluar darah nifas. keempat berkaitan keguguran kelima berkenaan larangan semasa haid dan nifas keenam isu-isu berkaitan wanita selain daripada haid dan istihadhah dan ketujuh berkenaan Isu-Isu Solat di Makkah dan Madinah yang merangkumi solat berjemaah,menghadap arah kiblat, solat di bangunan penginapan (surau/bilik) dengan berimamkan Imam di Masjid Haram/ Masjid Nabawi, solat Jumaat dan waktu tahrim solat. buku ini juga menyentuh berkenaan contoh-contoh kes berkaitan perkiraan darah Haid/ Istihadhah.

### **Himpunan Doa-doa Terpilih di Tanah Suci**

Buku ini menyenaraikan doa-doa yang sayugia diamalkan ketika berada di Tanah Suci. Buku ini boleh membantu Jemaah Haji untuk dijadikan rujukan bagi menyempurnakan ibadah mereka. Buku ini dimulakan dengan tatacara untuk berdoa supaya dilakukan dengan penuh adab dan sopan. Buku ini terbahagi kepada tiga bahagian iaitu doa-doa ketika berada di Mekah, doa ketika ziarah Madinah al-Munawwarah dan akhir sekali ketika di perkuburan al-Baqi'.

### **Buku Panduan Perjalanan Jemaah Haji**

Buku Panduan Perjalanan Jemaah haji mula dicetak pada tahun 1997. Buku ini telah dikemaskini sebanyak 12 kali iaitu setiap tahun bermula pada tahun 2006. Ini membuktikan

keperihatinan LTH bagi memudahkan urusan perjalanan Jemaah haji. Buku ini penting dijadikan rujukan dan panduan kepada Jemaah Haji yang baru pertama kali berangkat ke Tanah Suci supaya keselamatan terjamin serta dapat mengerjakan ibadah dengan baik.

Buku ini terbahagi kepada dua belas bab iaitu:

- a. Bab 1: Membincangkan persediaan bermula di Malaysia. Dalam bab ini, menyentuh berkenaan maklumat penting yang perlu disediakan oleh Jemaah haji, persediaan di rumah seperti perbelanjaan, rawatan kesihatan dan sebagainya. Seterusnya panduan sebelum berangkat, perlu menyediakan barang yang diperlukan, melaporkan diri di lapangan terbang atau kompleks tabung haji dan melaporkan diri di dalam kapal terbang supaya tidak berlaku keciciran.
- b. Bab 2: tatacara ketika berada di Jeddah iaitu ketika sebelum wukuf. Dalam bab ini merangkumi berkenaan di lapangan Terbang Antarabangsa KAAIA, Jeddah bagi urusan pemeriksaan Imigresen dan kastam, menerima sajian makanan, peruntukan maktab dan urusan menaiki bas. Kemudian berkaitan perjalanan dari Jeddah ke Mekah iaitu semasa di atas bas perkara yang perlu dan tidak perlu dilakukan oleh Lembaga Tabung Haji.
- c. Bab 3: perjalanan ke Madinah iaitu sebelum wuquf serta perjalanan aktiviti di Madinah.
- d. Bab 4: perjalanan di Mekah iaitu sebelum wuquf bagi menyempurnakan ibadah haji dan umrah ketika berada di sana.
- e. Bab 5: perjalanan di Arafah
- f. Bab 6: perjalanan di Muzdalifah
- g. Bab 7: perjalanan di Mina.
- h. Bab 8: perjalanan di Mekah iaitu selepas wukuf antara perkara-perkara yang perlu dilakukan selepas balik dari Mina, perkara yang boleh dilakukan ketika dalam Masjidil Haram selepas tawaf wada', persediaan meninggalkan Kota Suci Makkah iaitu ketika berangkat ke Jeddah dan persediaan meninggalkan Kota Suci Makkah iaitu ketika ingin berangkat ke Madinah.
- i. Bab 9: perjalanan di Madinah iaitu selepas wuquf antaranya keberangkatan dari Madinah ke Malaysia, dari Madinah ke Jeddah dan perjalanan urusan menaiki bas.
- j. Bab 10: perjalanan di Jeddah iaitu selepas wukuf bagi urusan ketibaan dan berkaitan ketika melaporkan diri.
- k. Bab 11: perjalanan pulang ke Tanah Air.
- l. Bab 12: panduan ketika bermusafir antaranya panduan solat menghormati waktu dalam kenderaan atau pesawat, panduan solat jama' dan qasar dan panduan menunaikan solat jama' tamam semasa di Masy'ir.

### **Buku Garis Panduan Pembayaran Dam**

Buku kecil atau risalah ini mula diterbitkan pada tahun 2015. Bagi jemaah haji atau umrah yang melakukan kesalahan ketika dalam ihram, buku ini boleh membantu mereka dalam menyelesaikan pembayaran dam dan sebagai panduan supaya jemaah sentiasa berhati-hati dalam menunaikan ibadah. Buku ini merangkumi tiga bab iaitu:

- a. Bab 1: menyentuh berkaitan sebab yang diwajibkan dam yang mengandungi 7 sebab penting yang digariskan oleh Lembaga Tabung Haji bagi memberi peringatan kepada Jemaah Haji.
- b. Bab 2: membincangkan berkaitan dengan larangan ihram semasa dalam ihram. Antara yang dititikberatkan dalam bab ini ialah kesalahan dalam berpakaian, berwangi-wangian, kecantikan, alam sekitar, dan juga berkaitan dengan hubungan seksual yang dilakukan ketika berada di Tanah Suci.
- c. Bab 3: membincangkan berkaitan dengan haji dan umrah. Antaranya ialah perkara meninggalkan wajib haji dan wajib umrah, melaksanakan cara Haji Tamattu' atau Qiran menurut syarat-syaratnya, luput wukuf di Arafah setelah bermiatihram, meninggalkan tawaf wada' tanpa uzur syari'e, melanggar nazar semasa mengerjakan haji, dan akhir sekali berlaku ihsar iaitu tertahan daripada menyempurnakan haji atau umrah setelah niat ihram atau umrah atau perkara-perkara yang menghalang untuk melakukannya.

### **Buku Ziarah Makkah Al-Mukarramah & Buku Ziarah Madinah Al-Munawwarah**

Buku Ziarah Makkah Al-Mukarramah merungkai sejarah Kaabah, tempat-tempat yang bersejarah di Makkah dan lain-lain. Manakala buku Ziarah Madinah Al-Munawwarah berkaitan berkenaan sejarah Madinah yang menarik dan tempat-tempat bersejarah di sana.

### **Buku Senarai Semak Ibadat Haji**

Antara inisiatif Bahagian Bimbingan Jabatan Haji dalam membantu urusan Jemaah Haji ialah dengan menerbitkan sebuah buku berkenaan senarai semak ibadat haji. Buku ini mengandungi enam bab iaitu pada bab pertama berkenaan carta aktiviti haji di Tanah Suci bab kedua berkaitan dengan bayan lil haji, bab ketiga berkaitan permasalahan hukum, bab keempat senarai semak ibadat haji dan keenam berkaitan senarai semak jadual kitaran haid.

### **MODUL DI MEDIA ELEKTRONIK ATAU MEDIA CETAK**

Modul ketiga yang disediakan oleh Tabung Haji ialah melalui elektronik atau cetak untuk memberi kefahaman dan kemudahan kepada masyarakat sesuai dengan kemajuan teknologi terkini dan capaian yang lebih luas. Perinciannya adalah seperti berikut:

#### **Modul-modul di Media Elektronik**

Antara modul yang digunakan Tabung Haji dalam menyampaikan panduan berkenaan haji ialah:

- a. Seruan Haji di Radio RTM 1
- b. Seruan Haji di Radio Saluran Klasik Nasional.fm
- c. Lambaian Kaabah di Radio Saluran IKIM.fm

- d. Penerbitan VCD Panduan Ibadat Haji Tamattu', Ifrad dan Qiran
- e. Penerbitan VCD Panduan Perjalanan Haji

### **Modul di Media Cetak**

Penerbitan program ini antaranya Bicara Haji iaitu Utusan Malaysia.

### **Modul dalam Bentuk Risalah Atau Poster**

Risalah atau poster iaitu senarai semak ini diberi secara percuma sebelum bertolak ke Tanah Suci kepada Jemaah Haji yang terpilih contohnya:

- a. Risalah Perjalanan Haji
- b. Risalah Senarai Semak Ibadat Haji/ Umrah
- c. Poster Tanah Suci
- d. Risalah Wanita - Panduan Untuk Jemaah Haji

### **ULASAN DAN PENILAIAN**

Kesemua modul bimbingan TH terutamanya modul penerbitan telah disediakan dan dikemaskini oleh Bahagian Bimbingan TH serta disemak oleh Ahli Jawatankuasa Penasihat Ibadat Haji (TH-JAKIM) bagi disesuaikan isu kandungannya dengan hukum hakam terkini. Ia juga digubal berdasarkan keputusan Muzakarah Haji yang dibuat secara tahunan, berserta perbincangan yang mendalam bagi memurnikan lagi penghasilan kesemua modul ini sebelum dikongsikan kepada jemaah haji dan masyarakat awam. Kajian mendapati TH mempunyai pendekatan dan manhaj yang tersendiri dalam bimbangannya terhadap jemaah haji Malaysia. Ia dikawal selia oleh barisan pakar rujuk hukum yang dikenali sebagai Ahli Jawatankuasa Pakar Rujuk Ibadah Haji TH-JAKIM (AJPIH). Modul-modul yang dipersembahkan pula mempunyai keunikan dari aspek pendekatan yang berbeza dan menyeluruh. Ia merangkumi bimbingan secara lisan, bertulis serta memanfaatkan teknologi terkini. Walaupun belum ada modul bimbingan haji dan umrah dalam bentuk aplikasi pintar (*apps*), penulis difahamkan bahawa ia adalah dalam proses pembangunan. Sesetengah modul bercetak seperti Buku Modul Kursus Asas Haji telah boleh diakses daripada laman web atau *facebook* rasmi TH (<https://www.facebook.com/TabungHaji/photos/a.467357129992157/850644808330052/?type=1&theater>) Dari aspek manhaj pengambilan rujukan, keseluruhan rujukan yang digunakan adalah berautoriti yang menggambarkan kredibiliti yang ada pada bimbingan TH ini. Bimbingan yang dikemukakan menepati pendekatan ulama mazhab al-Shafi'e, di samping panel pengarang juga memiliki pendekatan yang agak fleksibel ketika membincangkan permasalahan hukum yang tertentu.

### **KESIMPULAN**

Lembaga Tabung Haji merupakan institusi yang menjadi kebanggaan buat umat Islam Malaysia. Ia boleh dianggap sebagai sebuah institusi kewangan Islam yang sistematik dan berdaya saing kerana mampu menguruskan khidmat simpanan pendeposit, ibadah haji Jemaah Malaysia dan juga membuat pelaburan yang menguntungkan. Paling mustahak, TH telah diakui berjaya memberikan bimbingan haji kepada jemaah haji dengan pelbagai cara supaya mereka dapat mengetahui, memahami serta mampu melaksanakan ibadah haji dengan baik bagi memperolehi haji yang mabrur. Ia dilakukan dengan menghasilkan modul-modul bimbingan yang berbagai-bagai bentuk dan caranya untuk manfaat bersama. Kesemua modul ini telah diakui keberkesanannya dalam mencapai matlamat yang telah digariskan. Sebarang isu atau kelemahan yang mungkin timbul tidak sepatutnya mencacatkan kredibiliti TH dan menjelaskan modul-modul bimbingan yang dihasilkan, malah ia boleh ditangani dengan baik agar semua pihak beroleh kebaikan daripadanya. Semoga TH terus unggul dalam menjayakan misi haji mabrur buat semua jemaah haji Malaysia, pastinya dengan sokongan dan komitmen yang tidak berbelah bahagi oleh semua pihak yang berkepentingan.

## PENGHARGAAN

Kertas ini merupakan sebahagian daripada penyelidikan yang bertajuk: *Metode Bimbingan Haji Oleh Lembaga Tabung Haji: Analisis Terhadap Modul Penerbitan Dan Cadangan Penambahbaikan* dan telah dibiayai oleh Dana Penyelidikan Universiti (DPU), No. Rujukan Projek: UniSZA/2017/SRGS (26). Ribuan terima kasih diucapkan kepada Universiti Sultan Zainal Abidin kerana telah membayai penyelidikan tersebut. Ucapan terima kasih juga kepada pihak-pihak sama ada yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam menjayakan projek penyelidikan ini.

## RUJUKAN

- Abdullah, F. 2015. Tabung Haji diiktiraf terbaik dalam pengurusan jemaah. *Berita Harian Online*, 6 Julai 2015.
- Hasanulddin Mohd et al. 2018. Isu-isu Fiqah Wanita Dalam Buku Fiqh Ibadat Haji, Umrah Dan Ziarah Terbitan Lembaga Tabung Haji: Dirasah Ta'siliyyah Berdasarkan Al-Quran Al-Karim. *Prosiding Seminar Antarabangsa al-Quran dalam Masyarakat Kontemporari 2018*. hlm. 107-108.
- <https://www.facebook.com/TabungHaji/photos/a.467357129992157/850644808330052/?type=1&theater> (Akses pada 20 Jun 2019)
- <https://www.tabunghaji.gov.my/en/muzakarah-hajj-resolution>.
- Jamalluddin Hashim. 2017. *Fiqh Umrah Kontemporari*. Bangi: Darul Syakir.
- Laman Portal Rasmi Tabung Haji. Retrieved April 27, 2019, from <https://www.tabunghaji.gov.my/ms/korporat/informasi-korporat/tentang-kami>
- Laporan Tahunan Lembaga Tabung Haji. 2011. Retrieved from <https://cms-th.s3.amazonaws.com/Lembaga+Tabung+Haji+Annual+Report+2011s.pdf>
- Lembaga Tabung Haji. 2016. *Fiqh Ibadat Haji, Umrah & Ziarah*. Kuala Lumpur: Bahagian Bimbingan Jabatan Haji.
- Lembaga Tabung Haji. 2016. *Fiqh Ibadat Haji, Umrah & Ziarah*. Kuala Lumpur: Bahagian

- Bimbingan Jabatan Haji.
- Lembaga Tabung Haji. 2017. *Fiqh Haji dan Umrah Wanita*. Kuala Lumpur: Bahagian Bimbingan Jabatan Haji.
- Lembaga Tabung Haji. 2017. *Fiqh Ibadat Haji, Umrah & Ziarah*. Kuala Lumpur: Bahagian Bimbingan Jabatan Haji.
- Lembaga Tabung Haji. 2017. *Soal Jawab Haji dan Umrah*. Kuala Lumpur: Bahagian Bimbingan Jabatan Haji.
- Maslan, A. 2016. Peranan Lembaga Tabung Haji untuk Meningkatkan Ekonomi dan Perkhidmatan Orang Melayu 1969-1984. *Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu*. hlm.153-176.
- Muhammad Muhamimin. 2018. Transformasi Pengurusan Jemaah Haji Malaysia Pasca Pembesaran Kota Suci Mekah 1439H: *Kajian Kes Lembaga Urusan Tabung Haji* (TH). hlm. 1-20.
- Shahidawati Haji Shahwan. 2003. Pelaburan Lembaga Tabung Haji (LTH) dalam Sektor Perladangan 1990-2000. Tesis Sarjana, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- Tabung Haji Maklumat Am Bimbingan. (n.d.). Retrieved from Portal Rasmi Tabung Haji: <https://www.tabunghaji.gov.my/ms/haji/maklumat-am/bimbingan>
- Tabung Haji. 2019, April 19. Retrieved April 19, 2019, from Tabueng Haji: <https://www.tabunghaji.gov.my/ms/korporat/informasi-korporat/tentang-kami>
- Undang-Undang Tabung haji. (2011, Disember 1). Retrieved April 19, 2019, from [https://cms-th.s3.amazonaws.com/Akta+535-Akta+Tabung+Haji+1995\\_BMBI.pdf](https://cms-th.s3.amazonaws.com/Akta+535-Akta+Tabung+Haji+1995_BMBI.pdf)